

Kelab Menyelam UMS teroka terumbu karang

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar

BERITA HARIAN : 13 MAC 1997

KELAB Menyelam Universiti Malaysia Sabah (UMSDC) yang ditubuhkan pertengahan tahun lalu bukan sahaja membantu memperkembang minat pelajar dalam bidang marin, tetapi juga menyedarkan mereka mengenai kepentingan alam sekitar.

Memandangkan perairan Sabah, khususnya di pantai barat adalah kawasan terumbu karang, menyelam ke dasar laut untuk melihat hidupan air termasuk ikan berwarna-warni menimbulkan kepuasan kepada penyelam.

Pengerusi kelab itu, Wilson Alex, berkata keahlian kelab itu terpaksa dikurangkan kepada ahli yang mempunyai lesen menyelam sahaja.

"Walaupun ramai pelajar yang memohon, hanya 25 orang yang kebanyakannya mempunyai lesen diambil untuk menjadi ahli," katanya.

UMSDC menyertai kegiatan kesiaran masyarakat membersihkan kawasan pantai dan perairan Pulau Manukan, kira-kira 15 minit perjalanan bot dari Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini. Wilson berkata, selain menyelam, ahli juga terbabit dalam program menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menjaga persekitaran laut termasuk terumbu karang.

"Terumbu karang banyak terdapat di kawasan perairan Sabah. Sebahagian kawasan itu sekarang semakin terancam berikutan tindakan pihak tidak bertanggungjawab menjalankan kegiatan perikanan secara haram."

"Melalui program kesedaran, kawasan terumbu berkenaan dapat diselamatkan dan sumber ikan untuk penduduk negeri ini akan



MENCABAR...
penyelam bersedia
untuk menyelam di
Pulau Manukan -
Gambar Datu Ruslan
Sulaiman.

terjamin," katanya.

Seorang pelajar tahun dua bidang Sains dan Matematik UMS, Sabbas Mohd Ali, berkata minat menyelam di dasar laut timbul sejak kecil lagi ketika berenang di laut perairan Tawau.

"Dengan kemudahan kelengkapan menyelam yang dimiliki kelab, saya bukan sahaja dapat meneroka kawasan terumbu karang dengan lebih selamat malah boleh

menikmati keindahan di dasar laut dengan lebih selesa lagi," katanya.

Sabbas berkata, kebanyakannya kawasan terumbu karang di kawasan Pulau Manukan rosak akibat dilanda ombak kuat ribut tropika Greg akhir tahun lalu.

"Kemusuhan itu menyebabkan ramai penyelam terpaksa mencari kawasan lain di Semporna atau Pulau Labuan untuk menyelam

dan melihat hidupan di dasar laut," katanya.

Pelajar tahun dua bidang Geologi Marin, Andrian Gaisan, pula berkata pemilihan kursus pengajian berkaitan marin membolehkannya menyertai kelab itu.

"Selain menambahkan kemahiran menyelam dan menikmati keindahan di dasar laut, saya dapat mengenali struktur batuan yang selama ini dipelajari secara teori

sahaja," katanya.

Andrian berkata, dia juga diminta menjadi pembantu penelidik bagi membantu pensyarah membuat kajian dan penelidikan di dasar laut.

"Ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman malah membolehkan saya mencebur kerjaya dalam bidang marin apabila tamat pengajian kelak," katanya.